

PRULink Education Income Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	Untuk menyediakan pengumpulan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan mengambil kira keperluan kecairan dana untuk mencapai pengeluaran serta keperluan untuk memenuhi pendapatan terjamin. Ini dicapai dengan melabur di dalam sekuriti berkadar tetap melalui PRULink Education Bond Fund dan mana-mana sekuriti berkadar tetap, bon korporat, pasaran instrument kewangan dan mana-mana instrumen kewangan lain yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio itu.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Strategi Pelaburan Melabur dalam sekuriti faedah tetap melalui PRULink Education Bond Fund serta secara langsung dalam sekuriti faedah tetap yang terpilih, bon korporat, instrumen pasaran kewangan dan mana-mana instrumen kewangan lain yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio.</p> <p>Pendekatan Pelaburan Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Tujuan mereka adalah untuk menggunakan peluang kedua-dua peruntukan aset dan pengurusan portfolio, dengan fokus pada memaksimumkan pulangan pada paras yang boleh diterima.</p> <p>Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV dalam sekuriti faedah tetap melalui PRULink Education Bond Fund serta secara langsung dalam sekuriti faedah tetap yang terpilih dan bon korporat. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair dan mana-mana instrumen kewangan lain yang diguna untuk melindungi nilai portfolio.
Piawaian Prestasi	Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.maybank2u.com.my</i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)

Yuran & Caj

Caj Pengurusan Dana	1.00% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

* Dana hanya ditawarkan apabila pemegang polisi membeli **PRU**Edusaver.

PRULink Education Income Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana

PRULink Education Income Fund akan dihasilkan pada suatu tarikh yang akan diumumkan pada masa depan. Sejarah prestasi dana tidak wujud.

Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- (A) Risiko Kadar Faedah
- (B) Risiko Kredit / Kegagalan
- (C) Risiko Kecairan
- (D) Risiko Pasaran
- (E) Risiko Penerbit
- (F) Risiko Negara
- (G) Risiko Tiada-Pematuhan
- (H) Risiko Penumpuan
- (I) Risiko Syarikat Pengurusan
- (J) Risiko Inflasi
- (K) Risiko Pengurus Pelaburan

Pengurusan Risiko

Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluar bet, kumpulan pengeluar, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

PRULink Education Income Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2022 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

• Pasaran Sasaran

• Tiada.

• Dasar & Kekerapan
Tarikh Penilaian

- Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.
- Harga unit bagi dana **PRULink Education** tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.
- Nilai Dana ialah nilai semua aset dana **PRULink Education** selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggaraan, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.
- Berkenaan dengan sesuatu Tarikh Penilaian, Harga Unit untuk **PRULink Education Fund** akan dikira satu hari perniagaan selepas Tarikh Penilaian dan diterbitkan dua hari perniagaan selepas Tarikh Penilaian.
- Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.

• Keadaan-keadaan Luar
Biasa

- Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan atau penebusan aset mana-mana dana **PRULink Education** yang luar biasa besarnya dalam jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.
- Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/ dari mana-mana dana **PRULink Education**.

Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.